



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**ISLAM DAN TOLERANSI BERAGAMA**

**Tarikh Dibaca:**

**19 REJAB 1444H/  
10 FEBRUARI 2023M**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذِينَ كَمَا جَوَانَ إِسْلَامَ مَلِيسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## ISLAM DAN TOLERANSI BERAGAMA

10 FEBRUARI 2023 / 19 REJAB 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

إِنْ تَكْفُرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنْكُمْ وَلَا يَرْضَى لِعِبَادِهِ الْكُفْرَ وَإِنْ تَشْكُرُوا يَرْضَهُ لَكُمْ وَلَا

تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ مَرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ إِنَّهُ وَعَلِيمٌ

بِذَاتِ الصُّدُورِ ۝ (الزمر 7)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita tidak mendapat sebarang bahagian pun manfaat daripadanya. Rasulullah SAW telah mengingatkan kita:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جَمْعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

**Maksudnya:** *“Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang lagha, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu”.* **(Hadis riwayat Abu Daud)**

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Islam Dan Toleransi Beragama”**.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Kita telah pun berada di pertengahan Bulan Rejab dan lebih kurang 40 hari sahaja lagi akan tibanya Ramadhan al-Mubarak. Maka marilah kita gigih meningkatkan amal ibadah dan sentiasa bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT. Mudah-mudahan kita semua termasuk dalam kalangan hamba-Nya yang diredhai dan diberkati.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Negara kita merupakan sebuah negara yang terdiri dari pelbagai latar belakang agama dan budaya. Kemajmukan ini menuntut kita untuk saling menghormati dan berbuat baik antara satu dengan yang lain dalam memastikan keharmonian masyarakat itu terus terpelihara. Berdasarkan Perlembagaan Malaysia Perkara 3 (1), Islam merupakan agama bagi Persekutuan namun begitu, agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Islam merupakan ajaran yang mengamalkan toleransi yang sangat tinggi walaupun terhadap penganut agama lain. Namun begitu, Islam tetap memiliki batas sempadan yang mesti dijaga dan dipelihara agar umatnya tidak tergelincir ke lembah dosa lebih-lebih lagi berkaitan akidah.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Para ulama, sama ada ulama terdahulu mahupun ulama kontemporari telah pun membahaskan isu umat Islam mengikuti upacara agama lain sejak berzaman. Perayaan masyarakat bukan Islam boleh dipecahkan kepada dua kategori iaitu perayaan yang melibatkan agama dan perayaan yang tidak melibatkan agama tetapi hanya sekadar adat dan tradisi sahaja.

Orang-orang Islam tidak dibenarkan sama sekali melibatkan diri untuk menyambut perayaan-perayaan agama lain dengan cara mengunjungi rumah-rumah ibadah mereka, memakai pakaian yang memiliki simbol agama mereka dan seumpamanya. Perbuatan-perbuatan ini dianggap meredhai agama yang kufur dan ia merupakan perbuatan yang ditegah oleh Allah SWT. Dalam Surah al-Zumar ayat 7 yang dibacakan pada awal khutbah tadi, Allah SWT berfirman:

*“Kalaulah kamu kufur ingkar (tidak bersyukur) akan nikmat-nikmat-Nya itu, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah tidak berhajatkan (iman dan kesyukuran) kamu (untuk kesempurnaan-Nya); dan Dia tidak redhakan hamba-hamba-Nya berkeadaan kufur; dan jika kamu bersyukur, Dia meredhainya menjadi sifat dan amalan kamu. Dan (ingatlah) seseorang yang memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja). Kemudian kepada Tuhan kamulah tempat kembalinya kamu, maka Dia akan memberitahu kepada kamu tentang apa yang kamu telah kerjakan. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada”.*

Selain itu, ia bermaksud menyerupai golongan kafir yang turut diberi peringatan oleh Rasulullah SAW:

مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

**Maksudnya:** *“Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, dia termasuk dalam golongan kaum itu”.* (Hadis riwayat Abu Daud)

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Para ulama Islam menegah orang-orang Islam menghadiri upacara perayaan agama bukan Islam dan menyambut perayaan mereka. Antara tokoh ulama yang melarang ialah Imam Malik yang turut berpendapat bahawa para pemerintah perlu menegah orang-orang Islam daripada menghadiri perayaan bukan Islam. Begitu juga dengan Imam Ahmad, Imam al-Tabari, Imam al-Baihaqi, dan Imam al-Suyuti.

Dalam isu ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa (Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia) Kali Ke-68 yang bersidang pada 12 April 2005 telah mengeluarkan beberapa kriteria yang perlu dijadikan garis panduan kepada umat Islam.

1. Majlis-majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam seperti simbol agama lain, lagu-lagu berciri agama, meletakkan apa-apa tanda agama pada tubuh badan, isyarat atau ucapan kepada orang bukan Islam.
2. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak seperti memakai pakaian yang melambangkan agama lain, mengadakan bunyi-bunyian yang melambangkan agama lain.
3. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam di negara ini seperti percampuran bebas antara lelaki dan perempuan, pendedahan aurat, perjudian dan sebagainya.
4. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam seperti ucapan-ucapan yang menghina agama Islam dan umatnya, ucapan-ucapan yang berbentuk dakwah keagamaan bukan Islam dan sebagainya.

Dalam hal ini juga, pihak terbabit semestinya mendapatkan nasihat daripada pihak berkuasa agama sama ada di peringkat persekutuan mahupun di negeri-negeri sebelum menghadiri mana-mana majlis perayaan bukan Islam.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin mengajak sidang Jemaah sekalian untuk menginsafi kejadian gempa bumi yang melanda Turkiye dan Syria baru-baru ini. Gempa dengan kekuatan 7.8 skala *richter* dan diikuti dengan beberapa gempa susulan menjadi bukti dan petunjuk betapa lemahnya manusia dan agungnya kekuasaan Allah SWT. Lebih 12,000\* orang telah terkorban, manakala banyak bangunan dan kemudahan yang runtuh dan musnah. Ucapan takziah kita ucapkan kepada Negara Turkiye dan Syria. Sesungguhnya kita semua milik Allah SWT dan akan dikembalikan pula kepada Allah SWT. Pastinya ia ujian yang sangat besar buat saudara-saudara kita di sana. Bayangkan, gegaran sebegitu sahaja boleh membawa kemusnahan yang sangat besar apatah lagi keadaannya hari kiamat dan huru-haranya kelak yang dijanjikan lebih dahsyat lagi. *Allah*

*al-Musta'an*. Justeru, marilah kita bermuhasabah dan mendoakan kesejahteraan, keselamatan serta perlindungan buat mereka dan juga untuk kita semua agar Allah SWT melindungi dan memelihara kita dari sebarang bentuk kemudaratan dan musibah yang dahsyat. Saudara-saudara boleh memberikan sumbangan kewangan melalui Tiga Masjid Utama JAKIM iaitu Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan kutipan-kutipan tabung pada 10, 17 dan 24 Februari ini akan disumbangkan kepada Tabung Musaadah untuk mangsa gempa bumi di Turkiye dan Syria.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyimpulkan beberapa intipati;

**Pertama:** Ajaran Islam sangat memelihara dan menjunjung tinggi toleransi terhadap agama lain namun ia tetap memiliki batas dan garis sempadan yang mesti dicermati.

**Kedua:** Redha dengan kekufuran merupakan suatu perbuatan yang sangat ditegah dalam Islam.

**Ketiga:** Masyarakat perlu sentiasa merujuk kepada pihak berkuasa agama sama ada di peringkat persekutuan mahupun di peringkat negeri sebelum menganjurkan sambutan atau menghadiri mana-mana majlis perayaan.

Renungkan firman Allah SWT:

لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ  
وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ۗ إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَتَلُوا فِي الدِّينِ  
وَأَخْرَجُوا مِنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوْهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

9

**Maksudnya:** “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”. (Surah al-Mumtahanah ayat 8-9)

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَايَاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya dan sentiasa menjadi sasaran para musuh Islam untuk menghancurkannya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.  
 وَأَرْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَأَرْضِ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكُنَا كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اِكُوغْ، تُونُوكُو حَاجِهٖ عَزِيزَهٗ أَمِينَهٗ مِيمُونَهٗ إِسْكَندَرِيَهٗ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk

menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.